

TARIKH	16 / 9 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	13	RUANGAN	Dlm Negeri

## Cuaca musim haji cecah suhu 45 darjah celsius

PETALING JAYA 15 Sept. - Musim haji pada tahun ini dijangka berlangsung dalam keadaan cuaca panas terik apabila suhu di tanah suci dijangka mencecah 45 darjah celsius.

Sehubungan itu, Ketua Rombongan Haji, Datuk Syed Saleh Syed Abdul Rahman menasihatkan para jemaah menjaga kesihatan dengan minum air dalam kuantiti banyak dan mendapatkan khidmat perubatan di klinik yang disediakan oleh Tabung Haji jika menghadapi masalah kesihatan.

Menurut beliau, cuaca panas terik merupakan salah satu cabaran musim haji kali ini dan pihaknya telah membuat langkah awal untuk menghadapi sebarang kemungkinan yang bakal terjadi.

“Oleh yang demikian, bakal jemaah diminta untuk berehat sepenuhnya, menjaga kesihatan dan emosi serta membawa barang keperluan mencukupi sebelum berlepas ke tanah suci supaya mereka dapat membuat persediaan bagi memberi tumpuan terhadap ibadat haji.

“Selain itu, para jemaah diminta membetulkan niat kerana amalan haji bukan untuk melancang atau membeli-belah tetapi ia bertujuan melakukan ibadah seperti yang dituntut dalam Rukun Islam,” katanya pada sidang akhbar selepas majlis pelepasan haji bagi 25 petugas media di Kompleks Tabung Haji, Kelana Jaya dekat sini hari ini.